

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 JANUARI 2018 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Factory cleans up river it 'blued'	The Star
2.	River turns blue due to plastic washing	New Straits Times
3.	Misteri air bertukar biru terungkai	Harian Metro
4.	Air longkang warna biru	My Metro
5.	Misteri air sungai bertukar air	Sinar Harian
6.	Sungai biru tidak lagi biru	Sinar Online
7.	Amaran ribut petir di perairan Sarawak dan Labuan	Berita Harian Online
8.	Polis tunggu DNA pada kerusi	Kosmo



Surreal stream: The drain leading to the stream before and after the factory management was ordered to do the clean-up.

Factory cleans up river it 'blued'

By **SARBAN SINGH**
sarbans@thestar.com.my

SEREMBAN: A stretch of Sungai Simin has turned cobalt blue and fingers are pointing at a factory nearby.

State Department of Environment director Norhazni Mat Sari said its investigations revealed that the bluish water came from the plastic recycling factory.

"We instructed the operator to pump out the bluish water and clean up the stream immediately and we have been monitoring it ever since," she said.

Pictures and a video clip of a "blue" stream had gone viral since Monday and many netizens have voiced their

displeasure over the irresponsible act.

The department immediately dispatched a team to the Senawang Light Industrial Park where the factory was located following a public complaint made to the department's headquarters in Putrajaya on Monday.

Norhazni said the operator has been cooperative.

Her team was satisfied with the clean-up operation along an 8km stretch of the stream by the operator.

"We have also issued a stop-work order to the factory until our investigations are completed," she said.

Asked if the bluish fluid was hazardous, she said samples had been

sent to the **Chemistry Department** for analysis, but it could not be immediately established if the bluish fluid was a type of dye, ink or other chemical, she said.

Despite the bluish colour, the pH reading of the water was normal (seven) and the department did not detect any dead fish in the stream.

"We were told that the recycled items they were washing were contaminated and that was how the bluish effluent got into the stream," she said.

The case is being investigated under the Environmental Quality Act 1974 and the department will take action once it receives the analysis of the samples.

RIVER TURNS BLUE DUE TO PLASTIC WASHING

Negri govt waiting for results of samples

NUR AQIDAH AZIZI
SEREMBAN
news@nst.com.my

A FACTORY owner was reprimanded after a river turned blue near the Taman Tuanku Jaafar Industrial Park in Senawang near here.

The Department of Environment (DoE) ordered the owner to stop operations after complaints were received about Sungai Simin turning blue on Monday.

Checks by the department found that the blue substance affected an 8km stretch, said state DoE director Norhazni Mat Sari. "We walked down the river and

the affected drains and were led to a plastic factory, where the substance came from," she said.

"Investigation revealed that the colour of the river turned blue due to plastic washing."

She said checks showed that the acidity level was neutral, but samples had been taken and would be sent to the **Chemistry Department** for analysis.

"DoE has also issued instructions for the plant owner to stop the washing immediately," she said, adding that investigations would be carried out under the Environmental Quality Act 1974.

Checks at the river yesterday showed no traces of the blue substance.

Norhazni said action would be taken once the department receives the results from the samples taken from the river and drains in two to three weeks.

State Public Utilities, Environment, Cooperatives and Consumerism Committee Chairman Datuk Abu Ubaidah Redza said the state government would wait for the full report from DoE before taking action against the party responsible.

"We will investigate to see if other factories are involved."

"We are not taking this matter lightly, but any decision has to be based on the result from the samples," he said.

He said the state government would continue to monitor the situation, although the colour of the river had returned to normal.



Sungai Simin near Seremban changed colour on Monday. PIC COURTESY OF DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 24 JANUARI 2018 (RABU)



SUNGAI Simin berwarna biru yang menjadi tular di Kawasan Perindustrian Kecil Taman Tuanku Jaafar, Senawang.

Misteri air bertukar biru terungkai

Seremban: Misteri air longkang dan sungai di Kawasan Perindustrian Kecil Taman Tuanku Jaafar, Senawang, di sini, bertukar menjadi biru yang tular di Facebook terjawab hasil pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, kelmarin.

Pengarahnya Norhazni Mat Sari berkata, ia berpunca daripada aktiviti mencuci bahan plastik yang dicemari dengan pewarna dari sebuah kilang berhampiran.

Menurutnya, JAS menerima aduan kira-kira jam 12 tengah hari sebelum ke lokasi untuk menjalankan pemeriksaan.

"Kita menyusuri Sungai Simin dan longkang yang terjejas sejauh lapan kilometer sebelum tiba di kilang berkenaan.

"Hasil siasatan mendapati air menjadi biru disebabkan pekerja kilang mencuci produk plastik diterima daripada pembekal yang dicemari pewarna.

"Bagaimanapun, tahap keasidan air sungai dan longkang terabit kekal pada tahap neutral tetapi kita sudah mengambil sampel air untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi menentukan kandungan sebenar pewarna

itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Katanya, pihaknya perlu menunggu keputusan **Jabatan Kimia** yang dijangka diperolehi dalam tempoh dua hingga tiga minggu lagi sebelum sebarang tindakan diambil terhadap pemilik kilang.

"Jika didapati bersalah, pemilik kilang boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya yang sudah mengarahkan pemilik kilang menghentikan aktiviti itu dan menyedut semula air biru di longkang serta sungai berkenaan.

Norhazni berkata, pemeriksaan pihaknya di kawasan sama, semalam, mendapati air sungai dan longkang sudah kembali kepada warna asal.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kemudahan Awam, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri Datuk Abu Ubaidah Redza berkata, kerajaan negeri akan menunggu laporan penuh sebelum sebarang tindakan diambil.

Beliau berkata, pihaknya akan menyiasat sama ada kilang lain juga terabit dalam kejadian itu dan sebarang keputusan perlu dibuat berdasarkan hasil sampel terabit nanti.

FAKTA

Aktiviti mencuci bahan plastik yang dicemari dengan pewarna punca air longkang bertukar biru



Air longkang warna biru



Air Sungai Simin yang bertukar menjadi biru disebabkan aktiviti mencuci bahan plastik. (Gambar kanan) Kakitangan kilang plastik membersihkan longkang yang menjadi punca air sungai menjadi biru di Seremban. FOTO ihsan JAS

MISTERI air longkang dan sungai di Kawasan Perindustrian Kecil Taman Tuanku Jaafar, Seremban, bertukar menjadi biru yang tular di Facebook (FB) terjawab hasil pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, semalam.

Pengarahnya, Norhazni Mat Sari berkata, ia berpunca daripada aktiviti mencuci bahan plastik dicemari dengan pewarna dari sebuah kilang berhampiran.

Menurutnya, JAS menerima aduan kira-kira 12 tengah hari sebelum ke lokasi menjalankan pemeriksaan.

"Kita menyusuri Sungai Simin dan longkang yang terjejas sejauh lapan kilometer sebelum tiba di kilang berkenaan. Hasil siasatan, air menjadi biru disebabkan pekerja kilang mencuci produk plastik diterima daripada pembekal yang dicemari pewarna.

"Bagaimanapun keasidan air sungai dan longkang terbabit kekal pada tahap neutral tetapi kita sudah mengambil sampel air untuk dihantar ke **Jabatan Kimia** bagi menentukan kandungan sebenar pewarna itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

Katanya, pihaknya mengarahkan pemilik kilang menghentikan aktiviti itu selain menyedut semula air biru di longkang dan sungai berkenaan.

Beliau berkata, pemeriksaan pihaknya di kawasan sama hari ini, mendapati air sungai dan longkang sudah kembali kepada warna asal.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI MELAKA, NEGERI SEMBILAN) :
MUKA SURAT 37
TARIKH: 24 JANUARI 2018 (RABU)

Misteri air sungai bertukar biru

SEREMBAN - Sebuah kilang menjalankan perniagaan plastik di kawasan Perindustrian Kecil Senawang, di sini, dikenal pasti menjadi punca air di Sungai Simin, di sini, bertukar berwarna biru sehingga menjadi tular sejak kelmarin.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, Norhazni Mat Sari berkata, pemeriksaan dan siasatan pihaknya di lokasi mendapati, kejadian itu berlaku disebabkan aktiviti membersihkan produk premis berkenaan.

"Pelepasan air warna biru dari kilang itu adalah daripada aktiviti mencuci plastik. Pihak kilang sudah pun diarah menghentikan operasi dan melakukan kerja-kerja pembersihan.

"Pemantauan lanjut ke atas sungai berkenaan telah dilaksanakan dan hasil persampelan menunjukkan kualiti air sungai telah kembali normal," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, nilai PH juga menunjukkan bacaan neutral, namun sampel air telah dihantar kepada **Jabatan Kimia Malaysia** untuk siasatan lanjut.

Malah, katanya, pihaknya juga sudah mengeluarkan notis kepada pihak kilang supaya tidak menerima plastik tercemar dengan pewarna dan menghentikan ak-



Air sungai berwarna biru yang menjadi tular di laman sosial.

tiviti pembersihan produk.


Terdahulu, satu rakaman video menunjukkan air sungai di Taman Tuanku Ja'afar, Senawang bertukar menjadi biru dan insiden itu mendapat pelbagai reaksi daripada netizen yang tidak berpuas hati.



Sungai biru tidak lagi biru

Tular di media sosial video berdurasi 17 saat mengenai sungai yang airnya bertukar menjadi biru pekat. Dikatakan kejadian berlaku di Taman Tungku Jaafar, Seremban. Ada sesiapa boleh sahkan?

Kredit Siakap Keli



Air sungai berwarna biru yang menjadi tular di Facebook sejak semalam.

SEREMBAN - Sebuah kilang menjalankan perniagaan plastik di kawasan Perindustrian Kecil Senawang di sini, dikenal pasti menjadi punca air di Sungai Simin di sini bertukar berwarna biru sehingga menjadi tular sejak semalam.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Norhazni Mat Sari berkata, pemeriksaan dan siasatan pihaknya di lokasi mendapati, kejadian itu berlaku disebabkan aktiviti membersihkan produk premis berkenaan.

Bagaimanapun katanya, pihak bertanggungjawab telah pun menghentikan operasi dan selesai melakukan kerja pembersihan bagi menyurai impak kejadian itu.

"Pemantauan lanjut ke atas sungai berkenaan yang melalui kawasan Perindustrian Kecil Senawang telah dilaksanakan dan hasil pensampelan menunjukkan kualiti air sungai telah kembali normal.

"Keadaan sudah pun terkawal dan nilai PH juga menunjukkan bacaan neutral. Namun sampel air telah dihantar kepada **Jabatan Kimia Malaysia** untuk siasatan lanjut,"katanya.

Menurutnya, pihaknya juga telah mengeluarkan notis kepada pihak kilang supaya tidak menerima plastik tercemar dengan pewarna dan menghentikan aktiviti pembersihan produk.



Amaran ribut petir di perairan Sarawak dan Labuan

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berterusan sehingga lewat pagi ini.

Menurut kenyataan dikeluarkan di laman web METMalaysia, keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter (m) dan berbahaya kepada bot kecil.

MetMalaysia turut memberi amaran ribut petir menyeluruh dijangka berlaku di perairan Reef South, dijangka berterusan sehingga lewat pagi ini.

Keadaan itu juga menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 50 kmsj serta laut bergelora membawa ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil," katanya.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran gempa bumi kuat skala 7.7 Richter di koordinat 55.8 utara 149.0 barat di kawasan Teluk Alaska, barat laut Vancouver, Kanada dan timur Laut Pitas, Sabah.

Kenyataan sama, bagaimanapun tidak menunjukkan ancaman tsunami, selain tiada amaran hujan lebat sehingga malam semalam.

Kes remaja mati di PPR Seri Pantai akan bergantung kepada laporan Jabatan Kimia

Polis tunggu DNA pada kerusi

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR - Polis Kuala Lumpur masih menunggu keputusan laporan ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) pada kerusi pejabat yang disyaki dicampak di Blok 102, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai di Pantai Dalam di sini sehingga menyebabkan seorang pelajar lelaki maut pada 16 Januari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisiner Rusdi Mohd. Isa berkata, setakat ini pihak polis telah mengambil sampel DNA daripada 31 individu bagi membantu siasatan berhubung kejadian malang yang menimpa remaja terbabit.

Menurut beliau, kesemua sampel DNA yang diambil itu melibatkan saksi serta penghuni PPR berkenaan.

"Pada awalnya kita hanya mengambil sampel DNA daripada lima individu namun selepas siasatan dijalankan kita mengambil lagi sampel DNA daripada 26 individu lain.

"Kita masih menunggu keputusan laporan DNA daripada jabatan kimia bagi membolehkan siasatan lanjut diteruskan," kata beliau ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Rusdi memberitahu, polis masih berusaha mengenal pasti pelaku dan individu terlibat dalam kes berkenaan dan siasatan kini juga dilakukan dari tingkat 18 hingga tingkat 21 flat berkenaan.

"Polis masih menunggu laporan



SATHIRAWAN



PPR Seri Pantai di Pantai Dalam menarik perhatian ramai ekoran kes seorang pelajar mati dihempap kerusi pada 16 Januari lalu.



KERUSI pejabat yang menghempap mati Sathirawan dalam kejadian di PPR Seri Pantai, Pantai Dalam.

Polis belum tangkap suspek baling kerusi terbang



KERATAN *Kosmo!* semalam.

DNA bagi mengetahui perkembangan kes tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Brickfields, Superintendan Arifai Tarawe berkata, bertindak atas maklumat berhubung isu kawasan sekitar tangki air di flat berkenaan dijadikan sarang penagih dadah, pihak polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik daerah itu menyerbu lokasi tersebut tiga hari lalu.

"Dalam serbuan itu, polis menahan enam lelaki atas kesalahan

memiliki dan positif dadah, namun tiada kesan menunjukkan flat itu menjadi sarang penagih dadah.

"Usaha membanteras kegiatan dan pengedaran dadah akan dilakukan secara berterusan bagi memastikan semua PPR dalam daerah Brickfields bebas dadah," kata beliau.

Kosmo! semalam melaporkan polis belum membuat sebarang tangkapan berhubung kes seorang pelajar lelaki, S. Sathirawan yang mati ditimpa kerusi pejabat yang disyaki dicampak dari tingkat 21 Blok 102 dalam kejadian pada 16 Januari lalu.

Semasa kejadian pada pukul 8.30 malam itu, pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan La Salle, Petaling Jaya, Selangor yang berjalan bersama ibunya maut ditimpa kerusi yang dipercayai dicampak dari tingkat atas. Sathirawan dan keluarganya tinggal di tingkat 16, Blok 102.